

**Pelabur Malaysia Dijemput Melabur Di Ukraine**  
**Bernama**  
**23 Ogos, 2011**  
**Oleh Mohd Khairi Idham Amran**

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Ukraine, berminat menyatukan hubungan komersil dua hala dengan Malaysia, dengan mengalu-alukan ahli perniagaan tempatan melabur di negara bekas Soviet itu, khususnya di dalam sektor minyak dan gas, tenaga, pertanian dan penerbangan.

Dutanya ke Malaysia, Ihor Humennyi berkata perdagangan dua hala antara kedua-dua negara itu dijangka mencecah RM2.087 bilion (kira-kira US\$700 juta) pada tahun ini, daripada RM1.49 bilion pada 2010, berdasarkan prestasi menarik Januari-Mei di mana perdagangan melonjak 76.6 peratus pada tempoh yang sama tahun lepas.

Bagi tempoh lima bulan pertama, perdagangan dua hala meningkat kepada RM925.38 juta, dengan eksport Malaysia ke Ukraine menyumbang RM496.94 juta kepada keseluruhan perdagangan manakala import dari negara itu berjumlah RM428.44 juta.

"Secara prinsipnya, hubungan ekonomi antara Ukraine dan Malaysia berkembang baik tahun ini dengan import dan eksport meningkat dengan banyak," katanya kepada Bernama.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK sebenar Ukraine berkembang 5.2 peratus pada suku pertama tahun ini berbanding 4.2 peratus pada tempoh yang sama tahun lepas.

Humennyi berkata Ukraine, yang berpenduduk 46 juta orang, juga merupakan pengimport terbesar minyak sawit Malaysia di Eropah tengah dan timur manakala eksport utamanya ke Malaysia ialah kimia, baja, besi dan keluli.

Katanya sasaran tahun ini akan tuurt melepasi perdagangan RM1.49 bilion (US\$500 juta) pada tahun lepas.

Bagaimana pun, katanya jumlah itu secara relatifnya adalah rendah dan masih wujud ruang bagi peningkatan, terutama sekali di segi pelaburan Malaysia di Ukraine.

Humennyi melahirkan kesedihannya bahawa pelaburan Malaysia di negaranya dicatatkan hampir sifar "tetapi berharap akan terdapat pelaburan di dalam beberapa projek."

Rasa optimisnya berasaskan Ukraine telah menjemput syarikat minyak negara Malaysia, Petroliam Nasional Bhd (Petronas), bagi mewujudkan usahasama dengan syarikat minyak negaranya bagi meneroka telaga minyak dan gas air dalam.

Sebelum ini, Ukraine telah menjalin hubungan perniagaann dengan Petronas melalui negara ketiga seperti Kazakhstan, Uzbekistan dan Turkmenistan di mana ia membekalkan syarikat itu dengan peralatan loji minyak dan gas.

"Kita bercakap mengenai Petronas mewujudkan kehadiran secara langsung di Ukraine dan (bekerjasama) dengan syarikat minyak negara kami di dalam kerjasama penggerudian di air dalam di Laut Hitam," katanya.

Bagaimana pun, katanya cadangan itu masih pada peringkat awal kerana Petronas perlu

melakukan lebih banyak kajian di segi kos penggerudian, yang boleh mencecah US\$200 juta (RM596 juta) setiap penggerudian dan kadar kejayaannya, yang hanya 50:50 sebelum penggerudian sebenar boleh dipertimbangkan.

Rizab minyak dan gas Ukraine dianggarkan 2.3 bilion tong, dengan gas asli menyumbang 87 peratus daripada keseluruhan, yang merupakan 0.6 peratus daripada rizab gas dunia yang sudah dibuktikan dan 0.2 peratus daripada rizab minyak.

Humennyi berkata negara itu adalah pengeluar peralatan tenaga seperti turbin, jenerator dan transformer.

"Malaysia boleh menyandarkan kepakaran Ukraine, terutama sekali bagi membangunkan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak serta pembinaan loji kuasa lain di negaranya," katanya.

Beliau menjemput para pelabur Malaysia untuk meraih potensi sektor pertanian dan penerbangan di Ukraine.

Humennyi berkata pertanian sentiasa menjadi sektor ekonomi yang penting di Ukraine, yang menawarkan peluang yang baik.

"Negara itu disifatkan sebagai "bakul roti" bekas Soviet Union, apabila ia membekalkan 60 peratus daripada tanah hitam dunia - yang disifatkan sebagai tanah terbaik bagi pertanian, katanya.

Katanya langkah melabur di dalam pertanian merupakan langkah bijak kerana menurut Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, permintaan global untuk mendapatkan makanan akan meningkat dengan pantas di dalam tempoh dua dekad akan datang.

Kepakaran pertanian Ukraine mengkhusus kepada gandum dan produk gandum serta minyak mata hari yang banyak digunakan di Eropah Barat.

Mengenai sektor penerbangan, katanya negara itu mempunyai industri pembinaan pesawat yang sangat maju dan merupakan pengeluar pesawat terbesar di dunia,

AN-225 "Mriya" serta pesawat pengangkutan yang popular, AN-124 "Ruslan".

Humennyi turut menekankan pentingnya mewujudkan dewan perniagaan bagi menggalakkan dan memudahkan pembangunan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara.

"Langkah itu penting kerana ia membuka lebih banyak peluang kepada ahli perniagaan kerana ia akan membolehkan mereka mendapatkan maklumat mengenai peluang perdagangan dan pelaburan di kedua-dua negara," katanya.

-- BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=609895>